

Penerapan Kaedah Didik Hibur Dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris di Sekolah Luar Bandar

(Implementation of Edutainment in English Language Learning at Rural Area's Schools)

Tan Ching^{1*}, Ruhizan Mohammad Yasin¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

*Pengarang Koresponden: p105508@siswa.ukm.edu.my

Accepted: 15 April 2022 | Published: 1 May 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.37>

Abstrak: Bahasa Inggeris adalah bahasa antarabangsa dan 53 buah negara menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi. Di Malaysia, Bahasa Inggeris memainkan peranan yang penting dalam kalangan masyarakat. Walau bagaimanapun, tahap penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid didapati berada pada tahap yang rendah terutamanya di luar bandar. Sehubungan itu, KPM memperkenalkan Highly Immersive Programme (HIP) untuk menambahbaik tahap penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid. Kaedah didik hibur merupakan antara kaedah dalam HIP. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk meninjau penerapan kaedah didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah luar bandar. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti kesediaan guru dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap serta tahap penerapan didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah luar bandar. Kajian ini dilaksanakan dengan menerapkan Model Proses Pendidikan Bryant 1974 yang menekankan pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam pengajaran berkualiti. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan dengan menggunakan soal selidik berskala likert sebagai instrumen pengumpulan data. Ia dianalisis dengan menggunakan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Sebanyak 29 buah sekolah luar bandar dan 103 orang sampel terlibat dalam kajian ini. Sebelum menjalankan kajian sebenar, pengkaji melaksanakan kajian rintis dengan melibatkan 14 orang guru Bahasa Inggeris. Kajian rintis dianalisis menggunakan nilai Cronbach Alpha. Nilai Cronbach Alpha soal selidik berada pada tahap sangat baik dan konsisten ($\alpha=0.886$). Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetahuan dan kemahiran guru Bahasa Inggeris untuk menerapkan didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Inggeris berada pada tahap sederhana manakala sikap guru berada pada tahap yang tinggi. Tahap penerapan didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah luar bandar juga berada pada tahap sederhana. KPM, JPN dan PPD boleh mengendalikan bengkel dan kursus kepada guru Bahasa Inggeris bagi meningkatkan penerapan didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Inggeris. Cadangan kajian lanjutan adalah kesediaan guru Bahasa Inggeris bukan beropsyen untuk menerapkan didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Inggeris.

Kata kunci: Edutainment, Bahasa Inggeris, Luar Bandar, Pengetahuan, Kesediaan, Sikap

Abstract: English language is the international language and it has been recognised as an official language in 53 countries. In Malaysia, English Language is used significantly among the community. Nevertheless, its performance level is low among Malaysian students, especially those from the rural areas. With this, KPM had introduced the Highly Immersive Programme (HIP) in order to improve the English Language performance level among the

students. One of the methods in HIP includes edutainment. This research was carried out to review implementation of edutainment in English language learning at rural area's schools. The objective of this research is to assess the readiness of rural school teachers' knowledge, skills and attitude in implementing edutainment into English Language learning. The research was carried out by applying Bryant's model which emphasized teachers' knowledge, skills and attitude in quality teaching. The design of this research was formatted as a survey study using questionnaire in likert scale to collect data. The data collected was analysed using frequency, percentage, mean and standard deviation. There were 29 rural schools and 103 samples involved in this research. A pilot study which involved 14 English teachers was conducted before the research to test the reliability of the questionnaire. Cronbach Alpha was used to analyse the pilot study. The Cronbach Alpha score demonstrated that the questionnaire was very good and consistent ($\alpha = 0.886$). The findings showed that the knowledge and skills of the teachers in implementing edutainment into English Language learning were moderate, whereas the attitude of these teachers were high. Implementation level of edutainment in English language was at moderate level. To advance the implementation of edutainment in English Language, KPM, JPN and PPD should organize workshops and courses for English teachers. Suggestion for advanced research is non-optionist English teacher's readiness in edutainment implementation for English Language learning.

Keywords: Edutainment, English Language, Rural Area, Knowledge, Readiness, Attitude

1. Pengenalan

Bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa di mana 53 buah negara menggunakannya sebagai bahasa rasmi. Di Malaysia, Bahasa Inggeris memainkan peranan yang penting dalam kalangan masyarakat. Pelbagai sektor, media dan agensi pendidikan swasta menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa untuk berkomunikasi. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menetapkan Bahasa Inggeris sebagai antara mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh murid-murid di semua sekolah di Malaysia. KPM (2017) menyatakan bahawa murid perlu menguasai Bahasa Inggeris supaya mereka dilengkapi dengan kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris bagi menghadapi persaingan pada peringkat global.

KPM (2017) menyenaraikan empat kemahiran utama yang perlu dikuasai dalam Bahasa Inggeris pada peringkat sekolah rendah iaitu kemahiran mendengar, kemahiran membaca, kemahiran bertutur dan kemahiran menulis. Keempat-empat kemahiran ini adalah penting bagi seseorang murid untuk menguasai Bahasa Inggeris. Tahap penguasaan murid dalam Bahasa Inggeris akan dinilai melalui kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, pembentangan lisan, kuiz, penyoalan, penulisan dan projek.

Walau bagaimanapun, tahap penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid di Malaysia didapati berada pada tahap yang rendah (Saminathan, Lim, Mustafa & Abdullah 2020). KPM melaporkan isu mengenai prestasi Bahasa Inggeris yang rendah dalam kalangan murid melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Pillai & Ong 2018). Pelaporan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2019 menunjukkan bahawa peratus murid mendapat gred A dalam Bahasa Inggeris adalah paling rendah berbanding dengan bahasa-bahasa lain (KPM 2019). Pelaporan tersebut turut melaporkan bahawa peratus murid yang gagal Bahasa Inggeris adalah paling tinggi. Penambahbaikan perlulah dilaksanakan bagi meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid.

Sehubungan itu, KPM memperkenalkan *Highly Immersive Programme* (HIP) bagi menambahbaik tahap penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid di samping menerapkan sikap positif dalam pembelajaran bahasa Inggeris (Abdullah & Mohamad 2020). HIP ini dilaksanakan di setiap sekolah di Malaysia dengan menggunakan pendekatan yang berlainan kerana keadaan dan kemudahan di setiap sekolah adalah berbeza. Didik hibur merupakan antara strategi yang boleh diterapkan dalam HIP bagi menyediakan peluang kepada murid-murid untuk mencuba, mengeksplorasi dan mengaplikasikan ilmu melalui aktiviti yang menarik, seronok dan bermakna. Menurut Jamian (2016), didik hibur boleh dilaksanakan pada set induksi atau semasa penutup pembelajaran.

Kajian Ardani et al. (2018) mendapati bahawa kebanyakan guru tidak mengaplikasikan didik hibur sebagai strategi pembelajaran dan pemudahcaraan. Ardani et al. (2018) juga berpendapat bahawa tahap penerapan didik hibur dalam sesi pembelajaran dan pemudahcaraan adalah rendah. Kebanyakan sampel kajian tersebut menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai pengalaman ataupun jarang mengaplikasikan kaedah didik hibur dalam sesi pembelajaran dan pemudahcaraan. Kajian Lim, Md Yunus dan Embi (2017) pula mendapati bahawa tahap penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid di luar bandar lebih rendah berbanding dengan murid di bandar.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meninjau penerapan kaedah didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah luar bandar di Sarawak. Tinjauan dilaksanakan daripada perspektif guru yang mengajar Bahasa Inggeris di luar bandar daerah Padawan di Sarawak dengan melibatkan aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam penerapan didik hibur serta tahap penerapan didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Inggeris.

Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan kajian, maka objektif kajian adalah seperti berikut:

- 1) Mengetahui kesediaan guru Bahasa Inggeris dari aspek pengetahuan dalam penerapan didik hibur di sekolah luar bandar.
- 2) Mengetahui kesediaan guru Bahasa Inggeris dari aspek kemahiran dalam penerapan didik hibur di sekolah luar bandar.
- 3) Mengetahui kesediaan guru Bahasa Inggeris dari aspek sikap terhadap penerapan didik hibur di sekolah luar bandar.
- 4) Mengetahui tahap penerapan kaedah didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah luar bandar.

Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual dibina dalam kajian ini kerana ia menunjukkan perkaitan dan hubungan yang jelas antara pembolehubah-pembolehubah dalam kajian ini. Berdasarkan rajah 1, terdapat beberapa pembolehubah dalam kajian ini iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam penerapan didik hibur serta tahap penerapan didik hibur. Model Proses Pendidikan Bryant diterapkan dalam pembinaan kerangka konseptual kerana ia berkait rapat dengan faktor yang mempengaruhi proses pembelajaran murid. Menurut Bryant (1974), tiga faktor yang memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan sesuatu proses pembelajaran adalah faktor input, gerak kerja dan sikap. Mohamed Hata dan Mahmud (2020) menyatakan bahawa input adalah pengetahuan seseorang guru tentang kandungan pengajaran. Faktor gerak kerja pula merujuk kepada kemahiran seseorang guru dalam mengaplikasikan kandungan manakala sikap adalah sikap guru terhadap sesuatu pengajaran.

Tiga faktor Model Proses Pendidikan Bryant iaitu faktor input, gerak kerja dan sikap merupakan faktor yang akan mempengaruhi tahap penerapan kaedah didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Inggeris. Dalam kajian ini, kesediaan guru ditinjau dari tiga aspek iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap berdasarkan Model Proses Pendidikan Bryant. Pengkaji turut meninjau tahap penerapan didik hibur dalam sesi pembelajaran dan pemudahcaraaan bahasa Inggeris. Pengetahuan guru Bahasa Inggeris dalam penerapan kaedah didik hibur termasuklah konsep didik hibur, jenis didik hibur, cara menerapkan kaedah didik hibur dan aspek yang diambil kira semasa merancang kaedah didik hibur. Pengkaji ingin meninjau kemahiran guru dalam kemahiran menerapkan didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Inggeris dengan berkesan. Pengkaji juga meninjau sikap guru terhadap keberkesanan penerapan kaedah didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Inggeris.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Didik Hibur (*Edutainment*)

Didik hibur merujuk kepada suatu pendekatan bersifat hiburan yang digunakan oleh guru dalam sesi pembelajaran dan pemudahcaraaan. Dalam kajian ini, didik hibur merangkumi strategi-strategi pengajaran bersifat hiburan yang kerap digunakan oleh guru Bahasa Inggeris dalam sesi pembelajaran dan pemudahcaraaan Bahasa Inggeris di sekolah luar bandar seperti nyanyian, lakonan, bercerita dan berpuisi. Dalam kajian ini, pengetahuan guru yang ingin ditinjau adalah pengetahuan guru Bahasa Inggeris dalam penerapan didik hibur. Kajian ini juga mengkaji kesediaan pengetahuan guru dari segi jenis didik hibur seperti nyanyian, bercerita, berlakonan dan berpuisi serta pengetahuan guru dalam melaksanakan kaedah didik hibur seperti pengetahuan dalam kawalan kelas, bilangan murid dalam kelas dan masa peruntukkan sesi pembelajaran dan pemudahcaraaan.

Kemahiran guru dalam penerapan didik hibur merupakan antara aspek yang ingin ditinjau oleh pengkaji. Antara kemahiran yang ingin pengkaji tinjau dalam kajian ini termasuklah kemahiran guru menerapkan didik hibur, kemahiran guru dalam meningkatkan penglibatan murid melalui kaedah didik hibur dan kemahiran guru Bahasa Inggeris mewujudkan persekitaran yang selesa dan menyeronokkan dalam penerapan didik hibur. Derapa dan Mohamed (2018) berpendapat bahawa sikap guru yang baik dapat memberi impak yang positif terhadap pembelajaran murid. Dalam kajian ini, pengkaji ingin meninjau keyakinan dan kepercayaan guru terhadap keberkesanan penerapan kaedah didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Inggeris serta pandangan guru berkaitan penerapan didik hibur dari beberapa aspek seperti peluang interaksi dalam kalangan murid, sikap murid, persekitaran bilik darjah semasa pembelajaran Bahasa Inggeris dan kualiti pengalaman pembelajaran Bahasa Inggeris dalam kalangan murid.

Highly Immersive Programme (HIP)

Pembelajaran Bahasa Inggeris boleh dikaitkan dengan *Highly Immersive Programme* (HIP) yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Abdullah dan Mohamad (2020) menyatakan bahawa HIP ini diperkenalkan di bawah MBMMBI iaitu dasar memartabatkan bahasa Malaysia, memperkukuh bahasa Inggeris. Dasar MBMMBI berhasrat untuk melahirkan masyarakat yang fasih dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris (Kamlun, Chang & Omar 2020). Bagi mencapai hasrat itu, HIP dilaksanakan untuk menambahbaik tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid di samping menerapkan sikap positif dalam pembelajaran bahasa Inggeris (Abdullah & Mohamad 2020). Kementerian Pendidikan Malaysia (2015) menyatakan bahawa setiap sekolah akan melaksanakan HIP dengan pendekatan yang berbeza mengikut kesesuaian dan kemampuan sekolah. Didik hibur merupakan antara strategi yang terkandung dalam HIP di sekolah.

Model Pembelajaran Imersif di Negara Lain

Culbertson, Andersen, White, Zhang dan Jung (2016) menyatakan bahawa pembelajaran sesuatu bahasa sebagai bahasa kedua adalah perkara yang agak mencabar. Oleh itu, pembelajaran imersif adalah sesuai diaplikasikan dalam pembelajaran bahasa kedua. Program imersif Bahasa Inggeris bukan sahaja dilaksanakan di Malaysia tetapi ianya juga dilaksanakan di negara-negara seperti Canada, Scandinavia, Perancis dan Jerman. Supriyono, Saputra dan Narulita Dewi (2020) menyatakan bahawa program imersif Bahasa Inggeris di Korea Selatan boleh dibahagikan kepada dua iaitu program imersif Bahasa Inggeris yang ditawarkan oleh institusi pendidikan bahasa swasta dan kampung Bahasa Inggeris. Menurut Muhd Zulkifli dan Abu Bakar (2016), sebelum sesuatu program imersif dilaksanakan di sekolah di Jerman, pihak tertentu akan mendapat persetujuan daripada guru-guru dan ibu bapa kemudian pihak pentadbir di sekolah akan membuat keputusan terakhir sama ada program tersebut dilaksanakan atau ditolak.

Kajian-kajian lepas menyatakan bahawa penerapan didik hibur membawa impak yang positif. Data-data yang diperoleh melalui ujian pra dan pasca dalam kajian Ardianti, Wanabuliandari dan Rahardjo (2019) menunjukkan bahawa didik hibur berkesan dalam meningkatkan pencapaian akademik murid. Ardianti, Wanabuliandari dan Rahardjo (2019) juga menyatakan bahawa murid dapat belajar dengan lebih baik melalui didik hibur kerana didik hibur dapat mewujudkan persekitaran yang selesa dan seronok. Kajian Yulandari dan Arif Rahman (2019) menunjukkan bahawa kemahiran menulis Bahasa Inggeris murid dapat ditingkatkan melalui didik hibur berasaskan komputer. Ahmad et al. (2021) mendapati bahawa didik hibur berasaskan aktiviti bermain merupakan antara kaedah terbaik untuk membantu murid-murid dalam penguasaan konsep bahasa melalui aktiviti konkrit.

Kajian Rahmat dan Akbar (2019) mendapati bahawa murid luar bandar menghadapi banyak cabaran dan limitasi dalam pembelajaran Bahasa Inggeris, tetapi mereka masih bermotivasi untuk belajar Bahasa Inggeris. Kajian Engkasan dan Yamat (2021) juga mempunyai hasil dapatan yang sama iaitu murid luar bandar mempunyai sikap yang positif dalam pembelajaran Bahasa Inggeris. Kajian Castro dan Villafuerte (2019) menyatakan bahawa seseorang guru Bahasa Inggeris luar bandar sepatutnya sentiasa mempertingkatkan dan memperkembangkan ilmu pengetahuan dalam kandungan dan pedagogi. Castro dan Villafuerte (2019) juga berpendapat bahawa guru luar bandar perlulah mengetahui dan mendalami budaya tempatan supaya strategi pengajaran dan bahan-bahan yang sesuai boleh diaplikasikan dalam sesi pembelajaran dan pemudahcaraan demi kepentingan murid.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, guru Bahasa Inggeris di sekolah luar bandar menghadapi beberapa masalah dalam melaksanakan sesi pembelajaran Bahasa Inggeris yang berkesan. Febriana, Nurkamto, Rochsantiningsih dan Muhtia (2018) berpendapat bahawa cabaran-cabaran guru Bahasa Inggeris di luar bandar termasuklah infrastruktur dan bahan bantu belajar yang tidak lengkap serta pandangan ibu bapa yang menganggap pendidikan di sekolah tidak penting. Kajian Rahayu (2017) pula mendapati antara cabaran dalam pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah luar bandar termasuklah guru Bahasa Inggeris di sekolah luar bandar bukan beropsyen Bahasa Inggeris menyebabkan mereka kurang pengetahuan dalam Bahasa Inggeris serta tidak yakin dalam pengajaran.

3. Kaedah Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian tinjauan yang berbentuk deskriptif. Kajian ini dilaksanakan dengan melibatkan guru-guru Bahasa Inggeris sekolah luar bandar di kawasan Padawan, Sarawak tanpa mengira opsyen guru Bahasa Inggeris tersebut. Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), pengkaji menentukan saiz sampel berpandukan bilangan populasi seramai 140 orang. Kajian ini dilaksanakan dengan melibatkan 103 orang guru Bahasa Inggeris sekolah rendah luar bandar di daerah Padawan. Pengkaji juga menentukan 14 orang guru Bahasa Inggeris sebagai sampel bagi pelaksanaan kajian rintis. Sampel kajian rintis adalah berlainan dengan sampel kajian sebenar.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik berskala likert. Borang soal selidik yang disediakan adalah berbentuk *softcopy*. Soal selidik dihantar kepada setiap responden melalui aplikasi *Whatsapp*, *Telegram* dan *Facebook Messenger* bagi memudahkan proses pengumpulan data. Pengkaji dapat melihat data-data melalui *Google Spreadsheet* yang berpautan dengan soal selidik yang berbentuk *Google Form*. Soal selidik dalam bentuk *google form* juga adalah lebih selamat digunakan semasa pandemik covid-19 ini di samping menjimatkan masa dan kos perbelanjaan. Terdapat lima bahagian dalam soal selidik ini seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.

Jadual 1: Bahagian-bahagian dalam Borang Soal Selidik

Bahagian	Perkara
Bahagian A	Latar belakang responden
Bahagian B	Kesediaan guru dari aspek pengetahuan untuk menerapkan didik hiburan dalam pembelajaran Bahasa Inggeris
Bahagian C	Kesediaan guru dari aspek kemahiran untuk menerapkan didik hiburan dalam pembelajaran Bahasa Inggeris
Bahagian D	Kesediaan guru dari aspek sikap untuk menerapkan didik hiburan dalam pembelajaran Bahasa Inggeris
Bahagian E	Tahap penerapan didik hiburan dalam pembelajaran Bahasa Inggeris

Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenar dilaksanakan, pengkaji menjalankan satu kajian rintis. Hal ini adalah untuk menilai kebolehpercayaan instrument tersebut. Kajian rintis dilaksanakan mengikut prosedur seperti dalam kajian sebenar. Walau bagaimanapun, pengkaji hanya memilih 14 orang sampel kajian dalam kajian rintis ini. Sebelum menjalankan kajian rintis, pengkaji mendapat persetujuan daripada 14 orang sampel kajian supaya pelaksanaan kajian rintis tidak menjadi gangguan kepada mereka. 14 orang sampel kajian dalam kajian rintis juga tidak terlibat dalam kajian sebenar.

Menurut Nur Yunus et al. (2017), kebolehpercayaan instrumen dinilai dengan berdasarkan nilai *Cronbach Alpha* iaitu antara 0.0 hingga 1.0 seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2. Data-data yang telah diperolehi daripada kajian rintis dianalisis oleh pengkaji menggunakan aplikasi SPSS versi 28 untuk mendapatkan nilai *Cronbach Alpha*. Pengkaji mendapati bahawa nilai *Cronbach Alpha* bagi 31 item yang berkaitan dengan objektif kajian ini iaitu pengetahuan guru, kemahiran guru, sikap guru dan tahap penerapan didik hiburan adalah 0.886. Berdasarkan jadual 2, nilai *Cronbach Alpha* 0.886 adalah di antara 0.8 hingga 1.0. Hal ini bermakna instrumen kajian yang dihasilkan adalah sangat baik, efektif dan sangat konsisten. Instrumen yang digunakan dalam kajian rintis ini boleh digunakan sebagai instrumen untuk kajian sebenar nanti.

Jadual 2: Jadual Interpretasi Nilai *Cronbach Alpha*

Nilai <i>Cronbach Alpha</i>	Interpretasi
0.8 hingga 1.0	Sangat baik dan konsisten
0.7 hingga 0.8	Baik dan boleh diterima
0.6 hingga 0.7	Boleh diterima
< 0.6	Item perlu dibaiki
< 0.5	Item perlu digugurkan

Sumber: Nur Yunus et al. 2017

Prosedur Mengumpul dan Menganalisis Data

Terlebih dahulu, pengkaji menghantar pautan borang soal selidik kepada 103 orang sampel kajian. Sebelum sampel menjawab soal selidik, pengkaji memberitahu sampel kajian bahawa segala respon yang diberi dalam borang soal selidik ini adalah sulit supaya sampel kajian dapat menjawab dengan jujur tanpa kebimbangan bagi memastikan ketepatan data-data yang diperolehi. Pengkaji juga mendapatkan persetujuan sampel kajian sebelum menghantar pautan soal selidik dan memberitahu sampel kajian bahawa jawapan dalam borang soal selidik adalah berdasarkan persepsi sendiri dan tiada jawapan yang betul. Pengkaji memberi tempoh masa kepada sampel kajian untuk menjawab soal selidik supaya sampel kajian dapat menjawab mengikut kesesuaian masa masing-masing. Pengkaji memantau proses pengumpulan data dengan melalui *Google Spreadsheet*.

Selepas itu, pengkaji menganalisis data-data yang diperolehi dengan menggunakan aplikasi *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* versi 28. Bagi bahagian A yang berkaitan dengan demografi sampel kajian seperti umur, bilangan tahun mengajar, opsyen dan kelulusan, pengkaji menganalisis dengan menggunakan kekerapan dan peratus. Bagi data-data bahagian B, C, D dan E yang berskala likert, pengkaji menentukan tahap bagi setiap bahagian berdasarkan nilai min dan sisihan piawai yang diperolehi. Pengkaji menggunakan tahap kecenderungan skor min Landell (1977) yang terdiri daripada tiga tahap bagi mengenal pasti tahap kecenderungan skor min yang berasaskan skala Likert.

Jadual 3: Tahap Kecenderungan Skor Min Landell

Skor Min	Tahap Kecenderungan
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber: Amiruddin et al. 2016

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Demografi

Sampel kajian ini terdiri daripada guru-guru Bahasa Inggeris yang mengajar di sekolah rendah luar bandar di daerah Padawan. Hasil dapatan berkaitan dengan demografi sampel kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.

Jadual 4: Demografi Sampel Kajian

Item	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	21	20.4
Perempuan	82	79.6
Umur		
30 tahun dan ke bawah	14	13.6
31 tahun hingga 40 tahun	46	44.7
41 tahun hingga 50 tahun	30	29.1
51 tahun hingga 60 tahun	13	12.6
Bilangan Tahun Mengajar		
10 tahun dan ke bawah	28	27.2
11 tahun hingga 20 tahun	50	48.5
21 tahun hingga 30 tahun	20	19.4
31 tahun dan ke atas	5	4.9
Opsyen		
Opsyen Bahasa Inggeris	48	46.6
Bukan Opsyen Bahasa Inggeris	55	53.4
Kelulusan		
Diploma	9	8.8
Ijazah Sarjana Muda	88	85.4
Ijazah Sarjana	6	5.8
Doktor Falsafah	0	0.0

Pengkaji mendapati bahawa sampel kajian perempuan adalah lebih ramai berbanding dengan sampel kajian lelaki iaitu 21 orang sampel kajian (20.4%) adalah lelaki manakala 82 orang sampel kajian (79.6%) adalah perempuan. Berdasarkan jadual 4, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan sampel kajian berada dalam lingkungan umur 31 tahun hingga 40 tahun iaitu 46 orang sampel (44.7%) diikuti dengan lingkungan umur 41 tahun hingga 50 tahun iaitu 30 orang sampel (29.1%). Dapatan menunjukkan bahawa lingkungan umur 51 tahun hingga 60 tahun mempunyai kekerapan yang paling rendah iaitu 13 orang sampel (12.6%).

Dari segi aspek bilangan tahun mengajar, 50 orang sampel kajian (48.5%) mempunyai bilangan tahun mengajar dalam lingkungan 11 tahun hingga 20 tahun manakala 28 orang sampel kajian (27.2%) mempunyai pengalaman mengajar yang tidak melebihi daripada 10 tahun. Kategori bilangan tahun mengajar yang mempunyai paling sedikit sampel kajian adalah kategori bilangan tahun mengajar 30 tahun dan ke atas iaitu 5 orang sampel kajian (4.9%). Dari segi opsyen pula, pengkaji mendapati bahawa terdapat 55 orang sampel kajian (53.4%) bukan beropsyen Bahasa Inggeris manakala 48 orang sampel kajian (46.6%) beropsyen Bahasa Inggeris. Majoriti sampel kajian iaitu seramai 88 orang sampel kajian (85.4%) memperoleh ijazah sarjana muda.

Kesediaan Pengetahuan Guru Dalam Penerapan Didik hibur

Pengkaji telah menganalisis data-data berkaitan kesediaan pengetahuan guru yang dikutip melalui soal selidik dengan menggunakan SPSS versi 28. Dapatan kesediaan pengetahuan guru dalam penerapan didik hibur ditunjukkan dalam jadual 5.

Jadual 5: Skor Min dan Sisihan Piawai Kesediaan Pengetahuan Guru

No. Item	Item	Min	Sisihan Piawai	Tafsiran
B6	Saya tahu bahawa didik hibur merupakan pendekatan pembelajaran dan pemudahcaraan yang menyeronokkan di mana ia menggabungkan proses pembelajaran dan hiburan.	4.02	0.671	Tinggi
B7	Saya tahu bahawa teknik nyanyian, berlakon, bercerita dan berpuisi merupakan antara kaedah didik hibur.	3.50	0.765	Sederhana
B8	Saya tahu bahawa kaedah didik hibur mampu menyediakan peluang kepada murid-murid untuk mencuba, mengeksploitasi dan mengaplikasikan ilmu melalui aktiviti yang menarik, seronok dan bermakna.	3.57	0.946	Sederhana
B9	Saya tahu bahawa kaedah didik hibur merupakan antara strategi yang boleh diterapkan dalam Highly Immersive Programme.	3.20	0.856	Sederhana
B10	Saya tahu cara untuk menerapkan didik hibur seperti teknik nyanyian, berlakon, bercerita dan berpuisi dalam sesi pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Inggeris.	3.60	0.796	Sederhana
B11	Saya tahu aspek yang perlu diambil kira seperti bilangan murid, tempoh masa dan kandungan pelajaran semasa merancang didik hibur yang sesuai dengan kandungan pelajaran.	3.56	0.997	Sederhana
B12	Saya tahu tentang peranan guru sebagai fasilitator semasa mengendalikan aktiviti didik hibur dalam sesi pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Inggeris.	4.09	0.768	Tinggi
Skor Kesediaan Pengetahuan Guru		3.65	0.699	Sederhana

Terdapat dua item berada pada tahap tinggi iaitu item B6 dengan skor min 4.02 ($SD = 0.671$) dan B12 dengan skor min 4.09 ($SD = 0.768$). Hal ini membuktikan bahawa sampel kajian mengetahui konsep didik hibur, tanggungjawab serta peranan guru dalam bilik darjah dalam penerapan didik hibur. Item kesediaan pengetahuan guru yang mendapat skor min yang paling rendah adalah item B9 yang mendapat skor min 3.20 ($SD = 0.856$). Item B9 menjelaskan bahawa kaedah didik hibur merupakan antara kaedah yang dapat diterapkan dalam *Highly Immersive Programme* (HIP). Hal ini membuktikan sebahagian sampel kajian yang terdiri daripada guru Bahasa Inggeris yang mengajar di sekolah rendah luar bandar kawasan Padawan kurang jelas bahawa kaedah didik hibur dapat diterapkan dalam HIP.

Item B10 berkaitan dengan cara penerapan kaedah didik hibur seperti menyanyi, berlakon, bercerita dan berpuisi mendapat skor min 3.60 ($SD = 0.796$). Berdasarkan jadual 5, pengkaji mendapati bahawa skor min keseluruhan bagi kesediaan pengetahuan guru untuk menerapkan didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah rendah luar bandar Padawan adalah berada pada tahap sederhana dengan skor min 3.65 ($SD = 0.699$). Sisihan piawai bagi kesediaan guru dari aspek pengetahuan adalah 0.699. Ia bermakna bahawa sebaran data adalah tidak luas dan data-data yang dikutip adalah menyerupai. Walaupun kesediaan guru dari aspek

pengetahuan berada pada tahap sederhana, tetapi skor min tersebut menghampiri skor min bagi tahap tinggi berdasarkan tahap kecenderungan skor min Landell.

Kesediaan Kemahiran Guru Dalam Penerapan Didik Hibur

Dalam bahagian ini, pengkaji memaparkan data-data tentang kesediaan guru dari aspek kemahiran yang dianalisis menggunakan SPSS versi 28 seperti ditunjukkan dalam jadual 6.

Jadual 6: Skor Min dan Sisihan Piawai Kesediaan Kemahiran Guru

No. Item	Item	Min	Sisihan Piawai	Tafsiran
C13	Saya berkemahiran menerapkan kaedah didik hibur dalam sesi pembelajaran Bahasa Inggeris.	3.43	0.812	Sederhana
C14	Saya berkemahiran melaksanakan sesi pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Inggeris dengan menggunakan kaedah didik hibur seperti dalam perancangan.	3.49	0.862	Sederhana
C15	Saya berkemahiran dalam mengendalikan penggunaan bahan bantu mengajar bagi melancarkan pembelajaran dan pemudahcaraan berasaskan didik hibur.	3.22	0.862	Sederhana
C16	Saya berkemahiran untuk menghilangkan perasaan malu dan tertekan serta sikap pasif dalam kalangan murid dalam sesi pembelajaran berasaskan didik hibur.	2.85	0.901	Sederhana
C17	Saya berkemahiran untuk memotivasikan murid dan meningkatkan penglibatan murid menggunakan kaedah didik hibur.	3.45	0.894	Sederhana
C18	Saya berkemahiran untuk mengawal murid semasa menerapkan didik hibur dalam sesi pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Inggeris.	3.67	0.833	Sederhana
C19	Saya berkemahiran untuk membimbing murid semasa menerapkan didik hibur dalam sesi pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Inggeris.	3.67	0.746	Sederhana
C20	Saya berkemahiran untuk mewujudkan persekitaran yang imersif, seronok dan ceria semasa sesi pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Inggeris.	3.17	0.833	Sederhana
Skor Kesediaan Kemahiran Guru		3.37	0.751	Sederhana

Berdasarkan jadual 6, pengkaji mendapati bahawa kesemua item kesediaan guru dari aspek kemahiran berada pada tahap sederhana dengan skor min yang tertinggi iaitu 3.67 dan skor min yang terendah iaitu 2.85. Item C18 dan C19 memperolehi skor min yang paling tinggi iaitu 3.67 dengan sisihan piawai 0.833 dan 0.746. Item C18 berkaitan dengan kemahiran guru Bahasa Inggeris dalam mengawal murid semasa melaksanakan aktiviti didik hibur manakala item C19 pula berkaitan dengan kemahiran guru Bahasa Inggeris dalam membimbing murid semasa menerapkan didik hibur. Item C16 mendapat skor min 2.85 (SD = 0.901) iaitu skor min yang paling rendah dalam bahagian ini. Hal ini mencerminkan bahawa sampel kajian kurang berkemahiran dalam mengelakkan murid daripada bersikap pasif dalam sesi pembelajaran Bahasa Inggeris.

Keseluruhannya, kesediaan kemahiran guru Bahasa Inggeris untuk menerapkan didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Inggeris berada pada tahap sederhana. Hal ini demikian kerana skor min keseluruhan bagi kesediaan kemahiran guru adalah 3.37 (SD = 0.751). Dengan merujuk kepada hasil dapatan yang dipaparkan dalam jadual 6, setiap item berada pada tahap yang sederhana. Pengkaji juga dapat merumuskan bahawa kesediaan guru dari aspek

kemahiran seperti kemahiran menerapkan didik hibur, kemahiran memotivasikan murid, kemahiran mewujudkan persekitaran yang seronok, kemahiran mengawal murid dan kemahiran membimbing murid juga masih berada pada tahap sederhana.

Kesediaan Sikap Guru Dalam Penerapan Didik Hibur

Perbincangan dalam bahagian ini berkaitan dengan hasil dapatan sikap guru dalam penerapan didik hibur seperti dipaparkan dalam jadual 7.

Jadual 7: Skor Min dan Sisihan Piawai Sikap Guru

No. Item	Item	Min	Sisihan Piawai	Tafsiran
D21	Saya percaya bahawa kaedah didik hibur dapat meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris murid.	3.76	0.734	Tinggi
D22	Saya percaya bahawa kaedah didik hibur mampu melibatkan murid secara aktif dalam pembelajaran Bahasa Inggeris.	4.44	0.518	Tinggi
D23	Saya percaya bahawa kaedah didik hibur dapat mewujudkan suasana atau persekitaran bilik darjah yang lebih menggalakkan penglibatan murid.	4.43	0.535	Tinggi
D24	Saya yakin bahawa kaedah didik hibur dapat mengubah sikap murid terhadap proses pembelajaran Bahasa Inggeris.	3.76	0.707	Tinggi
D25	Saya yakin bahawa kaedah didik hibur dapat meningkatkan peluang bagi murid untuk berkomunikasi antara satu sama lain.	4.31	0.543	Tinggi
D26	Saya yakin bahawa kaedah didik hibur dapat meningkatkan kualiti pengalaman pembelajaran Bahasa Inggeris dalam kalangan murid.	3.66	0.619	Sederhana
Skor Kesiediaan Sikap Guru		4.06	0.467	Tinggi

Berdasarkan jadual 7, pengkaji mendapati bahawa skor min yang tertinggi dalam aspek sikap guru adalah 4.44 (SD = 0.518) iaitu item D22. Item D22 menyatakan tentang keyakinan guru terhadap penglibatan murid secara aktif dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Inggeris berasaskan didik hibur. Item D23 turut memperoleh skor min yang tinggi iaitu 4.43 (SD = 0.535) di mana ia merupakan skor min yang kedua tertinggi dalam aspek sikap guru. Item D23 berkaitan dengan penerapan didik hibur dapat meningkatkan penglibatan murid dalam proses pembelajaran Bahasa Inggeris. Hal ini membuktikan bahawa guru Bahasa Inggeris percaya bahawa penerapan kaedah didik hibur dapat meningkatkan penglibatan murid dalam pembelajaran Bahasa Inggeris.

Pengkaji juga mendapati bahawa lima daripada enam item berkaitan sikap guru dalam penerapan didik hibur berada pada tahap tinggi kecuali item D26 yang berkaitan dengan keyakinan guru terhadap peningkatan kualiti pembelajaran Bahasa Inggeris melalui penerapan kaedah didik hibur berada pada tahap sederhana. Skor min bagi item D26 adalah 3.66 (SD = 0.619) iaitu item yang mempunyai skor min yang paling rendah bagi aspek sikap guru. Skor min kesiediaan sikap guru yang ditunjukkan dalam jadual 7 adalah 4.06 (SD = 0.467) iaitu tahap tinggi. Secara kesimpulannya, guru Bahasa Inggeris sekolah luar bandar di Padawan bersikap positif terhadap penerapan didik hibur dalam Bahasa Inggeris.

Tahap Penerapan Didik Hibur

Bahagian ini membincangkan tahap penerapan didik hibur di sekolah-sekolah luar bandar Padawan. Skor min dan sisihan piawai merupakan kaedah analisis yang diaplikasikan untuk menganalisis data-data bahagian ini. Hasil dapatan tahap penerapan didik hibur di sekolah-sekolah luar bandar Padawan dipaparkan dalam jadual 8.

Jadual 8 : Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Penerapan Didik Hibur

No. Item	Item	Min	Sisihan Piawai	Tafsiran
E27	Saya menerapkan elemen nyanyian dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Inggeris.	2.39	0.757	Sederhana
E28	Saya menerapkan elemen lakonan dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Inggeris.	2.48	0.861	Sederhana
E29	Saya menerapkan elemen bercerita dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Inggeris.	3.05	0.772	Sederhana
E30	Saya menerapkan elemen berpuisi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Inggeris.	1.62	0.716	Rendah
E31	Saya menerapkan aktiviti didik hibur dalam pelaksanaan set induksi bagi pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Inggeris.	2.34	0.924	Sederhana
E32	Saya menerapkan aktiviti didik hibur dalam pelaksanaan langkah perkembangan bagi pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Inggeris.	2.52	0.752	Sederhana
E33	Saya menerapkan aktiviti didik hibur dalam pelaksanaan langkah penutup bagi pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Inggeris.	1.66	0.811	Rendah
E34	Saya memerhati perkembangan murid dalam pembelajaran Bahasa Inggeris melalui aktiviti didik hibur.	2.85	0.912	Sederhana
E35	Saya menilai perkembangan murid dalam pembelajaran Bahasa Inggeris melalui aktiviti didik hibur.	2.74	0.907	Sederhana
E36	36. Saya memberi maklum balas yang berkesan kepada murid selepas pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Inggeris berasaskan didik hibur.	2.72	0.833	Sederhana
Skor Tahap Penerapan Didik Hibur		2.43	0.666	Sederhana

Berdasarkan jadual 8, skor min yang paling tinggi adalah item E29 iaitu skor min 3.05 (SD = 0.772). Hal ini menunjukkan bahawa strategi bercerita lebih kerap diterapkan berbanding strategi nyanyian, lakonan dan berpuisi. Item E27 yang berkaitan dengan strategi nyanyian mendapat skor min 2.39 (SD = 0.757), strategi lakonan iaitu Item E28 mendapat skor min 2.48 (SD = 0.861) manakala item E30 yang menekankan strategi berpuisi mendapat skor min 1.62 (SD = 0.716). Pengkaji mendapati bahawa strategi berpuisi merupakan jenis didik hibur yang paling tidak kerap diterapkan. Kesemua item mengenai jenis didik hibur seperti nyanyian, bercerita, berlakon dan berpuisi berada pada tahap sederhana.

Item E31, E32 dan E33 berkaitan dengan penerapan didik hibur dalam langkah pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Inggeris. Perbandingan skor min antara ketiga-tiga item tersebut menunjukkan bahawa item E32 mempunyai skor min yang lebih tinggi daripada item E31 dan E33 iaitu 2.52 (SD = 0.752). Hal ini bermakna kebanyakan guru Bahasa Inggeris menerapkan kaedah didik hibur pada langkah perkembangan pembelajaran dan pemudahcaraan. Item yang memperoleh skor min yang paling rendah adalah item E30 yang menekankan penerapan didik

hibur iaitu berpuisi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan. Skor min keseluruhan bagi tahap penerapan didik hiburan adalah 2.43 (SD = 0.666) iaitu berada pada tahap sederhana berpandukan tahap kecenderungan skor min Landell.

5. Implikasi, Cadangan dan Rumusan

Implikasi

Pelaksanaan kajian ini mendatangkan beberapa implikasi kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). KPM dapat mengetahui keadaan sebenar seperti pengetahuan dan kemahiran guru dalam penerapan didik hiburan di sekolah kawasan luar bandar. Kajian ini turut memberi kesedaran kepada pihak KPM untuk memberi fokus kepada sekolah-sekolah luar bandar. Pelaksanaan kajian ini turut memberi implikasi kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (JPNS) dan Pejabat Pegawai Daerah (PPD) Padawan dari segi pengurusan dan perancangan program. Kajian ini memberi kesedaran kepada JPNS dan PPD Padawan untuk mengendalikan program, bengkel ataupun kursus kepada guru-guru Bahasa Inggeris sekolah luar bandar di daerah Padawan berdasarkan dapatan kajian. Hal ini adalah kerana guru Bahasa Inggeris mempunyai sikap positif tetapi kurang berpengetahuan dan kemahiran.

Hasil dapatan kajian ini juga memberi kesedaran kepada pihak sekolah untuk mengetahui keadaan sebenar yang berlaku di sekolah seperti sikap guru terhadap penerapan didik hiburan dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Inggeris, tahap penerapan didik hiburan di sekolah tersebut. Guru Bahasa Inggeris yang terlibat dalam kajian ini dapat mempunyai kefahaman yang lebih mendalam tentang konsep didik hiburan, jenis didik hiburan dan kemahiran yang perlu ada dalam penerapan didik hiburan. Pelaksanaan kajian ini turut memberi kesedaran kepada guru Bahasa Inggeris mengenai kelemahan diri sendiri semasa menerapkan didik hiburan dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Inggeris. Dengan ini, guru Bahasa Inggeris boleh mendalami maklumat berkaitan kaedah didik hiburan supaya penerapan didik hiburan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan bermakna.

Cadangan

Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, pengkaji mencadangkan agar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) boleh mementingkan penerapan didik hiburan dalam pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah luar bandar. Hal ini demikian supaya murid luar bandar mendapat hak yang sama dengan murid bandar dalam proses pembelajaran Bahasa Inggeris tanpa mengira kemudahan yang ada. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu memastikan bahawa kemudahan-kemudahan yang dibekalkan dapat digunakan di sekolah luar bandar. Pihak kementerian juga boleh memastikan persekitaran di sekolah luar bandar adalah kondusif. Hal ini demikian supaya guru-guru dapat bekerja di persekitaran yang selesa dan ia akan meningkatkan usaha guru dalam membuat perancangan pembelajaran dan pemudahcaraan.

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pegawai Daerah (PPD) perlulah mengadakan latihan mengenai kaedah didik hiburan dan *Highly Immersive Programme* kepada guru-guru Bahasa Inggeris supaya guru-guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang lebih tinggi dalam mengaplikasikannya. JPN dan PPD juga perlulah memberi fokus kepada guru-guru Bahasa Inggeris yang bukan beropsyen Bahasa Inggeris. JPN dan PPD boleh mengadakan kursus kepada guru-guru Bahasa Inggeris yang bukan beropsyen Bahasa Inggeris mengenai strategi pengajaran Bahasa Inggeris seperti kaedah didik hiburan. PPD juga boleh menghantar SISC+ Bahasa Inggeris ke sekolah untuk memantau dan membimbing guru-guru Bahasa Inggeris dari segi strategi pengajaran Bahasa Inggeris.

Pihak sekolah perlulah sentiasa peka terhadap pengendalian pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Inggeris di sekolah. Pihak sekolah perlulah memastikan bahawa ketua panitia mengadakan mesyuarat panitia untuk membincangkan tentang pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Inggeris supaya perancangan dapat diselaraskan. Pihak sekolah perlu memastikan guru-guru mendokumentasikan bukti-bukti menerapkan didik hibur bagi memudahkan pemantauan. Continuous Professional Development (CPD) juga merupakan antara perkara yang perlu dipantau oleh pihak sekolah di mana guru beropsyen Bahasa Inggeris yang lebih berpengalaman perlu membimbing guru-guru yang bukan beropsyen Bahasa Inggeris ataupun guru yang baru mengajar Bahasa Inggeris.

Batasan dan Cadangan Kajian Lanjutan

Semasa melaksanakan kajian ini, pengkaji mendapati terdapat beberapa batasan kajian. Antaranya termasuklah kajian ini hanya dijalankan di sekolah luar bandar di daerah Padawan dengan melibatkan 103 orang sampel kajian. Sampel kajian yang terlibat dalam kajian ini tidak ramai. Hal ini demikian kerana populasi iaitu guru Bahasa Inggeris yang mengajar di sekolah luar bandar Padawan adalah kecil. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan boleh dijalankan dengan melibatkan lebih ramai sampel kajian. Kajian lanjutan boleh dilaksanakan dengan melibatkan beberapa daerah ataupun kawasan yang lebih besar.

Pengkaji hanya menggunakan satu kaedah untuk mengumpul data dalam kajian ini iaitu soal selidik berskala likert. Pengkaji berharap agar kajian lanjutan boleh menggunakan kaedah temu bual atau soal selidik yang mengandungi soalan terbuka. Hal ini supaya pengkaji dapat mengetahui fikiran sampel dan keadaan sebenar dengan lebih baik melalui item berbentuk subjektif dan temu bual. Kajian ini dilaksanakan dengan melibatkan guru Bahasa Inggeris luar bandar tanpa mengira guru tersebut beropsyen Bahasa Inggeris ataupun bukan beropsyen Bahasa Inggeris. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan berkaitan kesediaan guru Bahasa Inggeris bukan beropsyen Bahasa Inggeris untuk menerapkan didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah luar bandar.

Rumusan

Secara keseluruhannya, kesediaan guru untuk menerapkan kaedah didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Inggeris berada pada tahap sederhana. Pengetahuan dan kemahiran guru untuk menerapkan kaedah didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Inggeris adalah berada pada tahap sederhana manakala sikap guru untuk menerapkan kaedah didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Inggeris pula berada pada tahap yang tinggi. Tahap penerapan didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah rendah luar bandar berada pada tahap yang sederhana tetapi skor min yang diperoleh melalui soal selidik menunjukkan bahawa tahap penerapan didik hibur menghampiri tahap rendah. Oleh itu, pihak-pihak tertentu seperti KPM, JPN, PPD dan pihak sekolah perlu bekerjasama meningkatkan tahap penerapan didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Inggeris dengan mengadakan latihan-latihan kepada guru Bahasa Inggeris demi kepentingan murid.

Rujukan

- Abdullah, N. S. & Mohamad, M. (2020). The Implementation Of Highly Immersive Programme Towards Language Proficiency Of Primary School Pupils: A Literature Review. *Creative Education*, 11(1), 1336-1350.
- Ahmad et al. (2021). Pengaruh Didik Hibur Dalam Meningkatkan Kesediaan Belajar Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Belum Menguasai Tahap Pencapaian Minimum. *Asian Journal of Civilizational Studies*, 3(1), 45-57.

- Amiruddin, M. H. et al. (2016). Tahap Kemahiran Generik Pelajar Malaysia Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran: Kajian Kes Pelajar Institut Kemahiran Mara, Johor Bahru. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(3), 111-121.
- Ardani, R. A., Handican, R., Salsabila, N. H. & Setyaningrum, W. (2017). The Perceptions of Students and Teachers About The Use of Edutainment Instructional Media in Mathematics Learning. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 160(1), 228 -234.
- Ardianti, S. D., Wanabuliandari, S. & Rahardio, S. (2017). Peningkatan Perilaku Peduli Lingkungan Dan Tanggungjawab Melalui Model E-Jas Dengan Pendekatan Science Edutainment. *Jurnal Pendidikan Dasar*, 4(1), 1-7.
- Bryant, E. C. (1974). *Associations Between Educational Outcomes And Background Variables*. Denver: National Assessment of Educational Progress.
- Culbertson, G., Andersen, E., White, W., Zhang, D. & Jung, M. (2016). Crystallize: An Immersive, Collaborative Game For Second Language Learning. *Proceedings of the 19th ACM Conference on Computer-Supported Cooperative Work & Social Computing*, hlm 636-647.
- Castro, L. & Villafuerte, J. (2019). Strengthening English Language Teaching In Rural Schools Through The Role-Playing: Teachers' Motivations. *International Journal of Educational Methodology*, 5(2), 289-303.
- Derapa, N. F. & Mohamed, S. (2018). Kesiapan Guru Pendidikan Khas Dalam Melaksanakan Mata Pelajaran Asas Tanaman. *Jurnal Ortopedagogia*, 4(1), 66-71.
- Engkasan, S. B. & Yamat, H. (2021). English Language Learning Experience Among Iban Secondary Esl Learners In A Rural Area. *Journal of English Language Teaching and Applied Linguistics*, 3(3), 59-65.
- Febriana, M., Nurkamto, J., Rochsantiningasih, D. & Muhtia, A. (2018). Teaching In Rural Indonesian Schools: Teachers' Challenges. *International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding*, 5(5), 11-20.
- Jamian, A. R. et al. (2016). Kesiapan Guru Dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Terhadap Pengajaran Penulisan Karangan Murid Bukan Melayu. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7, 1-8.
- Kamlun, K., Chang, S. L. & Omar, S. (2020). Exploring The Students' Perceptions Of The Usefulness Of Clil Modules And Ict Integrated Learning In English Classroom. *Journal of Archaeology of Egypt*, 17(6), 10789-10799.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Inisiatif Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris Murid di Bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Inggeris Tahun 3*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah 2019*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Pengalaman Pembelajaran Imersif*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Buku Panduan Bahasa Inggeris*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining Sampel Size For Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(1), 607-610.
- Landell, K. (1997). *Management by Menu*. London : Wiley and Soms Inc.
- Mohamed Hata, N. F. & Mahmud, S. N. D. (2020). Kesiapan Guru Sains Dan Matematik Dalam Melaksanakan Pendidikan Stem Dari Aspek Pengetahuan, Sikap Dan Pengalaman Mengajar. *Akademika*, 30(3), 85-101.

- Lim, K. L., Md Yunus, M. & Embi, M. A. (2017). Build Me Up: Overcoming Writing Problems Among Pupils In A Rural Primary School In Belaga, Sarawak, Malaysia. *Jurnal Pendidikan Humaniora*, 5(1), 1-7.
- Muhd Zulkifli, N. Z. & Abu Bakar, S. S. (2016). Hubungan Antara Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dengan Motivasi Dalam Kalangan Pelajar Di Jerman. *Pendeta*, 7(1), 85-94.
- Nur Yunus, F. A. et al. (2017). Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kompetensi Pengajar Tvet Terhadap Pengajaran Teknikal Berdasarkan Pendekatan Model Rasch. *Online Journal for TVET Practitioners*, 2(2), 1-9.
- Pillai, S. & Ong, L. T. (2018). English in Malaysia. *Asian Englishes*, 20(2), 147-257.
- Rahayu, V. W. T. (2017). Teachers' Challenges In Teaching English To Young Learner In Rural Primary Schools. *Jurnal Pendidikan Penabur*, 29(16), 1-14.
- Rahmat, A. & Akbar, M. (2019). A Comparative Analysis Of English Learning Motivation Between The Rural And Urban Students. *Journal of English Language Literature and Teaching*, 3(2), 158-182.
- Saminathan, C., Lim, P. Y., Mustafa, Z. & Abdullah, A. (2020). Teachers' Challenges In Implementing The Highly Immersive Programme In The Classrooms. *Language Education and Acquisition Research Network Journal*, 13(2), 194-207.
- Supriyono, Y., Saputra, Y. & Narulita Dewi, N. S. (2020). English Immersion Program In Efl Setting: A Modified Model, Implementation And Effectiveness. *Journal of English Education and Linguistics Studies*, 7(1), 137-160.
- Yulandari, E. S. & Arif Rahman. (2019). Improving Xi-Grade Students' Writing Essay Skill Using Computer Edutainment. *Journal of Languages and Language Teaching*, 7(2), 96-107.